

## BULI SIBER: KETIDAKSANTUNAN BAHASA DAN ETIKA MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN REMAJA MALAYSIA

(*Cyberbullying in Malaysia: Understanding Youngsters' Ethics and Impoliteness Strategies in Social Media*)

Azianura Hani Shaari & Mohammad Rahim Kamaluddin

### ABSTRAK

Buli siber merupakan satu amalan komunikasi melalui teknologi yang bertujuan untuk mengecam, mengganggu, memalukan atau mengugut mangsa melalui perkataan yang negatif, penyebaran maklumat palsu mahupun perkongsian gambar atau video yang boleh menjatuhkan imej si mangsa. Buli siber merupakan satu masalah global yang memberi kesan negatif, terutamanya dalam kalangan remaja yang merupakan pengguna media sosial utama. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan bagaimana unsur-unsur ketidaksantunan dalam berbahasa serta ketidakpatuhan etika media sosial boleh membawa kepada jenayah buli siber di kalangan remaja. Dengan menggunakan kaedah penceritaan dalam mengupas kes-kes terdahulu, kertas ini akan membincangkan tentang beberapa kejadian buli siber antarabangsa yang mendapat liputan meluas di seluruh dunia. Selain dari itu, kertas ini juga membincangkan satu kajian terdahulu yang melihat corak ketidaksantunan bahasa dalam kalangan remaja Malaysia. Untuk mencapai objektif kajian, satu siri temubual serta pemerhatian telah dilakukan selama 12 bulan ke atas 120 orang remaja di Malaysia di mana 324, 362 perkataan telah berjaya dikumpulkan. Berdasarkan data yang diperolehi, penyelidik kemudiannya menjalankan satu analisis bahasa berdasarkan teori ketidaksantunan (Culpeper 1996). Hasil kajian menunjukkan fenomena ketidaksantunan bahasa yang jelas dalam kalangan remaja di Malaysia. Kupasan kes beserta perbincangan hasil kajian yang dilakukan bersama teori-teori berkaitan diharap mampu memberi gambaran yang lebih jelas tentang jenayah buli siber dari sudut etika dan sosiobudaya serta amalan berbahasa dalam kalangan remaja.

**Kata Kunci:** Buli siber, Ketidaksantunan Bahasa, Ketidakpatuhan Etika, Analisis bahasa, Kajian kes

### ABSTRACT

Internet harassment, also known as cyberbullying, is a form of verbal harassment aimed at harassing, humiliating or threatening a victim using negative words or the spreading of false information and fake materials such as images or videos that will tarnish a victim's self-image. Cyberbullying is a global problem that has negative impacts, especially among teenagers, who are the main users of social media. The present paper aims to discuss how impoliteness strategies in virtual conversation can lead to cyberbullying. The article begins with discussions of previous cyberbullying incidents that have gained international coverage around the world. In addition, the paper also discusses a study that looked into the impoliteness strategies among Malaysian youngsters when interacting on Facebook. A series of interviews and observations were conducted involving a group of Malaysian youngsters. With a corpus of 324, 362 words

gathered from naturally occurring conversation on Facebook engaged by 120 participants in a 12-month period, the entire data were quantitatively analysed using Content Analysis as well as the theory of Impoliteness offered by Culpeper (1996). The results of the study indicated a common practice of impoliteness communication strategies among youngsters in Malaysia. The summary of previous international cases, along with the discussions of the research findings have provided an overview cyberbullying scenario among youngsters in Malaysia.

**Keywords:** Cyberbullying, Impoliteness Strategy, Unethical behaviour, Linguistics analysis, Case study

## PENGENALAN

Buli siber merupakan satu amalan komunikasi melalui teknologi yang bertujuan untuk mengecam, mengganggu, memalukan atau mengugut mangsa melalui perkataan yang negatif, penyebaran maklumat palsu mahupun perkongsian gambar atau video yang boleh menjatuhkan imej si mangsa. Buli siber merupakan satu masalah global yang memberi kesan negatif, terutamanya dalam kalangan remaja yang merupakan pengguna media sosial utama. Che Noh et al. (2018) dalam kajian mereka yang melibatkan 276 remaja Malaysia mendapati bahawa 30% daripada keseluruhan responden pernah menjadi mangsa buli dalam talian. Responden yang meluangkan masa dalam talian lebih lama juga, menurut mereka, lebih cenderung menjadi mangsa buli siber. Situasi ini dilihat sebagai satu fenomena sosial negatif yang memerlukan perhatian khusus oleh semua lapisan masyarakat. Ghani dan Ghazali (2015) mendapati bahawa sesetengah remaja tidak dapat membezakan di antara perilaku normal dengan perlakuan agresif seperti buli. Apabila ditayangkan beberapa video yang merakam aksi buli, sebilangan responden malahan menyokong tindakan pembuli yang disifatkan sebagai satu perkara yang normal.

Kedua-dua kajian ini menampakkan perubahan yang ketara dalam pembentukan budaya, sikap, amalan serta identiti remaja pada hari ini yang begitu bertentangan dengan nilai-nilai murni serta budaya yang diamalkan oleh golongan remaja pada masa dahulu. Menurut Asma Abdullah (1996), masyarakat terdahulu mementingkan amalan hormat menghormati, bertoleransi serta sopan santun dalam menjadikan adab pertuturan mereka. Strategi berkomunikasi secara tidak langsung (*indirectness communication strategy*) juga merupakan teras dalam corak bahasa perbualan masyarakat terdahulu (Asma Abdullah, 1996).


Perkembangan teknologi serta proses perubahan sosial telah menyebabkan masyarakat moden pada hari ini melalui perubahan dari segi amalan, budaya serta corak pertuturan (Karim et al., 2017). Budaya, norma serta identiti masyarakat moden pada hari ini dilihat agak berbeza dengan konsep akal budi yang menjadi teras dalam pembentukan sikap serta identiti generasi terdahulu (Asmah Haji Omar, 2017). Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat perubahan budaya serta identiti masyarakat, khususnya generasi muda pada hari ini dengan mengkhususkan kepada corak ketidaksantunan dalam berbahasa serta ketidakpatuhan etika media sosial yang boleh membawa kepada jenayah buli siber dalam kalangan mereka.

## REMAJA DAN PEMBENTUKAN IDENTITI

Kajian terdahulu mendapati bahawa masyarakat sentiasa berubah dari segi pemikiran, cara hidup serta tanggapan terhadap sesuatu perkara. Perubahan ini berlaku disebabkan oleh perubahan persekitaran, kemajuan sains dan teknologi serta pendedahan yang diterima oleh

kumpulan masyarakat tersebut samaada dari dalam atau di luar lingkungan sosialnya. Tapscott (2009) membentangkan sebuah model yang menunjukkan bagaimana pengaruh Internet dan media sosial berkembang dalam pergaulan sehari-hari remaja ada hari ini. Menurut Tapscott (2009), jaringan sosial seseorang individu dalam era teknologi maklumat ini tidak hanya terhad kepada keluarga dan rakan-rakan sekeliling sahaja. Tapscott membahagikan jaringan sosial seseorang individu kepada 3 kategori iaitu dunia, sebagai jaringan sosial yang paling lemah dan rakan karib sebagai jaringan sosial yang paling kuat.

Rajah 1: Model N-Fluence Networks (Tapscott 2009)



Apa yang ingin ditekankan di sini ialah pengaruh Internet menjadikan seluruh dunia sebagai sebahagian daripada lingkungan jaringan sosial seseorang individu. Dalam kata lain, takrifan persekitaran bagi seseorang remaja bukanlah terhad kepada kawasan tempat tinggal dan sekolahnya semata-mata. Remaja hari ni terdedah dengan apa sahaja pengaruh yang ada di seluruh dunia, menyebabkan persepsi dan tanggapan mereka terhadap banyak perkara menjadi begitu berbeza dengan generasi terdahulu.

Salah satu perkara yang berubah adalah penggunaan bahasa dan konsep kesopanan dan kesantunan bahasa (Brown and Levinson 1978) yang diperaktikkan dalam kehidupan sehari-hari. Ini secara tidak langsung, merubah identiti remaja di Malaysia, malahan menjadikan mereka sekumpulan masyarakat moden yang mempraktikkan etika berkomunikasi serta budaya bahasa yang berbeza dari masyarakat sebelumnya yang mengamalkan tradisi dan amalan tertentu dalam pertuturan sehari-hari mereka seperti sentiasa memilih untuk tidak berterus terang bagi mengelakkan sebarang konflik dan perselisihan faham (Asma Abdullah 1996).

### **Teori Ketidaksantunan Dalam Berbahasa (Culpeper 1996)**

Dari segi linguistik, satu teori yang sangat bersesuaian dengan buli siber adalah teori ketidaksantunan dalam berbahasa yang dicadangkan oleh Culpepper pada tahun 1996. Teori ini mencadangkan bahawa ketidaksantunan dalam berbahasa bergantung kepada persepsi dan tafsiran awal, tingkah laku serta keperibadian seseorang individu.

Culpeper (2008: 36) ketidaksantunan sebagai satu cara komunikasi yang secara sengaja, dilakukan untuk menjatuhkan air muka seseorang. Tindakan serta interpretasi ketidaksantunan dalam berbahasa juga bergantung kepada niat si pemberi serta pemahaman si pendengar (atau penerima), hubungan mereka, serta persepsi kedua-duanya terhadap sesuatu nilai. Sebagai contoh, percanggahan budaya di antara dua individu dari negara yang berbeza, boleh menimbulkan perselisihan faham, tetapi ini mungkin terjadi disebabkan ketidaksantunan bahasa yang berlaku secara tidak sengaja. Teori ketidaksantunan walaubagaimanapun, lebih berfokus kepada satu perilaku ketidaksantunan dalam perbualan yang diadakan dengan sengaja dan dengan niat untuk mengancam atau menyakiti hati si penerima. Teori ini dilihat bersesuaian dengan fenomena buli siber di mana kebanyakan daripada perilaku ketidaksantunan berbahasa yang dilakukan (seperti menghina, mengejek serta memanggil mangsa menggunakan nama-nama yang memalukan) adalah lebih kepada satu strategi yang terancang serta mempunyai niat-niat tertentu.

Walaubagaimanapun, menurut Culpeper (1996) juga, bukan semua ketidaksantunan berbahasa itu boleh dikategorikan sebagai amalan negatif atau buli kerana setiap komuniti manusia mengamalkan sikap dan amalan berkomunikasi serta pandangan yang berbeza. Remaja contohnya, berinteraksi dengan cara mereka sendiri dan kadangkala sukar difahami oleh golongan dewasa. Contohnya, satu gurauan yang dirasakan biasa oleh golongan remaja, mungkin dianggap sebagai satu perilaku komunikasi yang kasar dan tidak sopan oleh golongan dewasa (Johnstone 2010).

### **KAEDAH PENYELIDIKAN**

Satu kajian terdahulu yang melihat strategi perilaku ketidaksantunan bahasa di kalangan remaja Malaysia ketika berinteraksi di laman sosial telah dilakukan oleh Azianura Hani Shaari (2017). Untuk mencapai objektif kajian yang bertujuan melihat corak ketidaksantunan bahasa dalam kalangan remaja Malaysia, satu siri temubual serta pemerhatian telah dilakukan selama 12 bulan ke atas 120 orang remaja di Malaysia di mana 324, 362 perkataan telah berjaya dikumpulkan. Berdasarkan data yang diperolehi, penyelidik kemudiannya menjalankan satu analisis bahasa berasaskan teori ketidaksantunan (Culpeper 1996). Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan remaja yang ditemubual tidak melihat penggunaan kata-kata kesat yang berunsur lucu di dalam perbualan dalam talian sebagai sesuatu kesalahan. Malahan, hampir kesemua remaja yang ditemubual mengakui bahawa mereka menggunakan Internet sebagai platform untuk melepaskan perasaan, mempamerkan identiti terselindung yang tidak berupaya dipamerkan di alam nyata, serta mendapat lebih kebebasan untuk menjadi diri sendiri tanpa risau akan sebarang halangan atau pandangan negatif masyarakat sekeliling.

## DAPATAN KAJIAN

Sebahagian remaja yang ditemubual juga mengakui bahawa sikap dan tingkahlaku berbahasa di kalangan mereka adalah jauh berbeza apabila berinteraksi di media sosial jika di bandingkan dengan gaya bahasa yang diamalkan dalam pertuturan sehari-hari. Dalam satu temubual bersama seorang remaja, penyelidik mendapati bahawa perkataan lucah sering digunakan bagi menggambarkan kepribadian berbeza dalam dunia siber. Hal ini dilihat sebagai refleksi individu yang memberontak terhadap nilai-nilai tradisional dan budaya masyarakat yang terpaksa dipatuhi dalam etika pertuturan sehari-hari seperti tidak berupaya berterus terang dan terpaksa melindungi sebarang ketidakpuasan hati, perasaan negatif dan pergolakan jiwa. Seorang lagi remaja mengakui bahawa beliau sengaja menggunakan perkataan-perkataan lucu dalam Bahasa Inggeris kerana ianya sukar difahami oleh ahli keluarga dan rakan-rakan yang juga berinteraksi di laman sosial yang sama.

Kajian ini juga menemui sekurang-kurangnya 2220 unit perkataan lucu (dalam Bahasa Inggeris) yang dikeluarkan oleh 120 remaja lelaki dan wanita melalui status-status Facebook yang dimuat naik di laman sosial tersebut, sepanjang tempoh kajian, iaitu selama 12 bulan. Hasil kajian menunjukkan penggunaan kata-kata kesat yang berleluasa di kalangan remaja lelaki berbangsa Melayu dan Cina, tetapi agak kurang dalam kalangan remaja berbangsa India (lelaki dan perempuan).

Jadual 1: Penggunaan Kata-kata Kesat dalam Bahasa Inggeris di Kalangan Remaja Malaysia

Perkataan 1 unit = 1 perkataan	Melayu (P)	Melayu (L)	Cina (P)	Cina (L)	India (P)	India (L)	Total (unit)
F*ck/f*cking	24	202	10	106	4	21	367
Sh*t	19	96	94	184	12	30	435
Holy f*ck	-	-	1	7	-	-	8
Holy sh*t	-	4	-	12	-	-	17
D*mn	98	209	166	499	124	141	1237
Funny sh*t	-	4	-	16	-	-	20
F*ck up	-	7	-	1	-	-	8
D*mb*ss	-	2	-	14	-	-	16
B*tch	30	17	8	22	4	3	84
As*h*I*	2	12	-	12	-	2	28
Total	173	553	279	873	144	197	2220

Akhir sekali, dalam dua temubual secara berkumpulan yang dijalankan, penyelidik mendapati bahawa kesemua 10 orang remaja yang ditemubual secara berkumpulan (5 orang satut kumpulan) mengakui bahawa mereka tidak kisah dan tidak merasa sedih atau tertekan apabila dilontarkan perkataan-perkataan kesat atau berbaur lucu oleh rakan-rakan (khususnya dalam Bahasa Inggeris) ketika berinteraksi di laman sosial kerana menganggap itu adalah satu

perkara biasa. Walaubagaimanapun, menggunakan perkataan kesat dalam perbualan di luar talian (khususnya dalam bahasa ibunda mereka) adalah dianggap sebagai sesuatu yang melampaui batas dan menguris perasaan. Disini dapatlah disimpulkan bahawa pengertian buli siber dalam konteks linguistik remaja Malaysia dilihat dari sudut yang berbeza. Penggunaan kata-kata kesat dalam perbualan atas talian sesama rakan secara dasarnya, tidak dilihat sebagai satu perbuatan yang mengandungi unsur-unsur buli siber di kalangan generasi muda di negara ini.

Banyak perkara boleh dikaitkan dalam tafsiran buli siber dengan perilaku linguistik seseorang individu. Ini berkait rapat dengan jenis-jenis buli siber yang terdiri daripada beberapa bentuk dan cara. Menurut familylives.org.uk, terdapat beberapa jenis buli siber seperti gangguan mental dan emosi, penyebaran berita palsu atau fitnah, penggunaan bahasa kesat dan sebagainya. Perbincangan seterusnya akan mengklasifikasikan buli siber kepada jenis-jenis tertentu dengan mengaitkan kaedah buli siber dengan corak bahasa dan linguistik yang tertentu.

Jadual 2: Jenis-jenis Buli Siber

Jenis Buli Siber	Penerangan dan Bentuk Bahasa/Linguistik
Gangguan berterusan ( <i>Harassment</i> )	Tindakan menghantar mesej yang menyakitkan hati, kasar, dan menghina atau menggunakan kata-kata kesat. Ulasan jahat atau memalukan pada siaran, foto dan bilik sembang. Contoh: Panggilan nama seperti gemuk, perempuan murahan atau pelacur.
Pemalsuan Maklumat-Fakta, Foto atau Video ( <i>Denigration</i> )	Tindakan memalsukan maklumat serta menyebarkan maklumat palsu tersebut bagi tujuan menjatuhkan seseorang. Ini termasuk berkongsi foto seseorang untuk tujuan menghina, menyebarkan khabar angin palsu dan juga gosip yang tidak benar. Mengubah gambar orang lain dan menyiarkannya secara online untuk tujuan memalukan juga dianggap sebagai jenayah buli siber.
Penyebaran berita berbentuk provokasi ( <i>Flaming</i> )	Penggunaan bahasa yang melampau dan menyinggung perasaan bertujuan untuk mengapi-apikan serta mencetuskan konflik dan pergaduhan. Pembuli siber biasanya menyebarkan berita-berita berbentuk provokasi bagi mencetuskan perasaan marah orang lain lalu menimbulkan reaksi negatif terhadap mangsa bagi tujuan menyakitkan mangsa.
Penyamaran, pemalsuan akaun media sosial serta kecurian identiti ( <i>Impersonation</i> )	Tindakan menggodam akaun e-mel atau rangkaian sosial seseorang dan menggunakan identiti dalam talian mangsa untuk menghantar, menyebar atau menyiarkan bahan atau maklumat (bagi pihak si mangsa) yang berunsur lucuah, ganas atau tidak bertanggung jawab bagi tujuan memalukan mangsa. Penggunaan profil serta identiti palsu di laman sosial begitu berleluasa pada masa ini dan kadangkala agak sukar untuk akaun-akaun palsu ini ditutup dengan begitu sahaja.
Pemerdayaan dan tipu helah ( <i>Outing and Trickery</i> )	Tindakan mempengaruhi atau memperdayakan seseorang untuk mendedahkan maklumat peribadinya seperti latarbelakang, gambar, mahupun video. Maklumat ini kemudiannya disebarluaskan kepada orang lain oleh si pembuli tanpa pengatahan mangsa.
Penghendapan siber ( <i>Cyber Stalking</i> )	Tindakan siber hendap dilakukan atas banyak alasan seperti perasaan obses, minat atau benci yang melampau terhadap seseorang. Siber hendap adalah tindakan ‘mengekor’ pergerakan mangsa di media sosial serta pengumpulan data dan maklumat peribadi bagi tujuan yang tidak baik. Penyerang kemudiannya menggunakan maklumat tersebut untuk menyebar serta menghantar e mail berbaur ugutan dan ancaman, menyebabkan mangsa merasa tertekan dan ketakutan.

Penyisihan ( <i>Exclusion</i> )	Tindakan menyisihkan seseorang daripada komuniti tertentu di laman sosial secara sengaja bagi tujuan memalukan serta menyakiti perasaan individu tersebut. Tindakan sebegini juga diklasifikasikan sebagai buli siber.
Ugutan dan <i>grooming</i> ( <i>Blackmail and grooming</i> )	<p><i>Grooming</i> melibatkan eksplotasi ke atas wanita, gadis dan kanak-kanak tanpa sentuhan fizikal daripada penjenayah. Pembuli memulakan strategi mereka dengan ‘melatih’ mangsa untuk melakukan aksi seksual melalui Internet. Mereka biasanya akan menggunakan ayat-ayat yang manis untuk memperdaya mangsa. Malahan ada juga pembuli yang memulakan serangannya dengan menjalin hubungan persahabatan atau cinta dengan mangsa sebelum mempengaruhi mangsa untuk mendedahkan tubuh mereka melalui kamera web atau menghantar gambar-gambar tertentu. Pembuli kemudiannya mengancam atau mengugut mangsa menggunakan gambar atau video miliknya sendiri.</p> <p>Salah satu kes mangsa <i>cyber sexual grooming</i> yang mendapat liputan meluas ialah kisah Amanda Todd yang menderita sebagai mangsa buli siber selama 3 tahun, sehingga bertindak menggantung dirinya pada tahun 2012.</p>
Penyebaran Gambar Tidak Senonoh ( <i>Inappropriate images</i> )	Tindakan menyebarluaskan gambar seseorang tanpa kebenaran sebagai bahan ketawa atau untuk mempersendakan mangsa juga dianggap sebagai salah satu jenis buli siber yang biasa dilakukan oleh ramai orang. Tanpa disedari (atau mungkin dengan sengaja), tindakan berkongsi gambar yang diubahsuai untuk menjadi bahan ketawa (sekiranya tidak diketahui dan diizinkan oleh si pemilik gambar) boleh mengaibkan serta menjatuhkan maruah mangsa. Ianya juga boleh memberi impak yang negatif terhadap imej mangsa serta memberi tanggapan yang buruk terhadap mangsa oleh masyarakat di sekelilingnya.

Sumber:<http://www.bullying.co.uk/cyberbullying/what-icyberbullying/>

## LIPUTAN RINGKAS BEBERAPA KES BULI SIBER ANTARABANGSA

Kisah-kisah buli siber di Malaysia, walaubagaimanapun, tidak dibincangkan secara terbuka kerana kes-kes bunuh diri merupakan satu isu yang dianggap tabu oleh masyarakat kita. Ini tidak bermakna kes-kes seumpamanya tidak wujud sama sekali. Bahagian ini dimulakan dengan paparan beberapa kes buli siber antarabangsa yang diketahui umum, diikuti dengan kupasan kes buli siber dalam negara yang tidak begitu dibincangkan secara terbuka.

### Kisah Ryan Patrick Halligan (1989 –2003): Dari Buli di Sekolah ke Buli Siber

Kes Ryan Patrick Halligan adalah antara kes buli siber terawal, yang menjadi sebutan ramai selama bertahun-tahun. Ryan yang merupakan seorang remaja berusia 13 tahun yang berasal dari Vermont, Amerika Syarikat, adalah anak kedua yang lahir dalam sebuah keluarga yang sempurna. Ryan merupakan seorang kanak-kanak yang bijak, peramah, periang, dan sensitif terhadap persekitarannya. Ryan memiliki sebuah keluarga bahagia dan disayangi oleh kedua ibu bapanya.

Meskipun begitu, Ryan tidaklah begitu sempurna seperti kanak-kanak normal yang lain. Beliau mengalami masalah dalam pembelajaran di mana beliau sukar memahami perkara-perkara tertentu yang biasanya mudah di fahami oleh kanak-kanak normal yang seusia dengannya. Ryan bagaimanapun tidak ditempatkan di sekolah istimewa kerana keadaannya yang tidak begitu serius. Beliau menjalani sesi persekolahan biasa, bersama kanak-kanak yang lain di sebuah sekolah berhampiran tempat tinggalnya.

Ketika di sekolah, Ryan sering menerima layanan buruk dari rakan-rakannya. Ryan telah menjadi mangsa buli disekolah seawal usia 10 tahun. Beliau sering diancam dan dihina oleh rakan-rakan sebaya berikutan kekurangan diri yang dialaminya. Namun begitu, sokongan yang kuat dari ahli keluarga menguatkan semangat Ryan untuk tidak mengendahkan ugutan-ugutan yang diterima. Ryan sering mengadu kepada keluarganya tentang sikap buruk rakan-rakan yang suka membuli di sekolah, tetapi bapa Ryan menasihati beliau agar sentiasa bersabar dan berbuat baik dan memaafkan semua orang. Keluarga Ryan juga membawanya berjumpa dengan seorang pakar psikologi bagi membantunya menangani tekanan di sekolah. Dengan bantuan pakar, Ryan berjaya mengawal tekanan perasaannya dan lebih menghargai dirinya sendiri.

Sehingga apabila Ryan mencapai usia 13 tahun dan mula berjinak-jinak dengan alam siber. Ryan mula berinteraksi dengan rakan-rakan sekolah serta melayari pelbagai laman web. Rakan-rakan sekolah sering melemparkan kata-kata yang menyindir perasaan, walaupun ketika berinteraksi di laman sosial. Namun begitu, atas nasihat keluarga dan pakar psikologi, Ryan mengambil keputusan untuk memaafkan rakan-rakannya, malahan mula berhubungan dengan salah seorang daripada pembulinya di dalam talian. Siapa sangka, persahabatan Ryan dengan seorang gadis seusia dari sekolah yang sama bernama Ashley mencetuskan sebuah malapetaka yang menggemparkan dunia pada tahun 2003.

Bermula dari perbualan biasa, perhubungan Ryan dengan gadis tersebut menjadi semakin rapat. Ashley rupa-rupanya mempunyai niat di sebalik persahabatan mereka dan hanya berpura-pura menyukai Ryan. Asyley juga pernah menyamar sebagai Ryan dalam sebuah laman sesawang dan mengakui dirinya sebagai ‘gay’. Tidak cukup dengan itu, Ashley menggelarkan Ryan sebagai seorang yang tidak berguna, mencetak semua perbualan mereka yang bersifat peribadi dan menampal di sekeliling sekolah dengan tujuan untuk memalukan Ryan.

Kejadian ini memberi tampanan yang hebat kepada remaja muda seperti Ryan. Rasa malu dan hilang harga diri menyebabkan Ryan mengalami tekanan perasaan yang sangat hebat. Untuk beberapa ketika, hidup Ryan Patrick Halligan seperti berada di neraka. Ryan bagaimanapun, memilih untuk tidak lagi berkongsi kekecewaan dan gangguan emosinya bersama keluarganya berikutan rasa hilang kepercayaan kepada orang-orang di sekelilingnya.

Aktiviti melayari Internet tanpa pengawasan ibu bapa juga memberi laluan kepada Ryan untuk melayari laman-laman web yang tidak bertanggungjawab, seperti laman web yang menggalakkan remaja membunuh diri serta mendalamka kaedah-kaedah untuk melakukannya. Ryan telah berinteraksi dengan seorang lelaki yang tidak dikenali, di sebuah laman web. Lelaki tersebut telah membekalkan pelbagai maklumat tentang kebaikan membunuh diri dan cara-cara melakukannya kepada kanak-kanak malang ini. Akhirnya, pada 7 Oktober 2003, Ryan Patrick Halligan bertindak untuk mengantung diri di kamar tidurnya sendiri.

Kematian Ryan di ratapi oleh ahli keluarganya sehingga ke hari ini. Ibubapa Ryan, John dan Kelly kini aktif dalam aktiviti sosial yang memberi kesedaran kepada masyarakat tentang buli siber dan kesan-kesannya.

### **Megan Meier (1992 – 2006): Identiti Palsu dan Penipuan di MySpace**

Masihkah anda ingat tentang seorang gadis manis yang di kenali sebagai Megan Meier? Kisah Megan Meier mendapat liputan di seluruh dunia berikutan satu lagi kejadian bunuh diri remaja berusia 14 tahun yang hampir sama dengan kes Ryan Patrick Halligan, yang berlaku pada 3 tahun sebelumnya. Tambahan pula, keadaan kesihatan Megan Meier juga tidak jauh berbeza daripada Ryan.

Megan merupakan seorang remaja yang berasal dari O'Fallon, Missouri. Beliau mengalami masalah gangguan mental yang dikenali sebagai *Attention Deficit Disorder* (ADD) yang menyebabkan beliau sering mengalami gangguan untuk memberi tumpuan kepada pelajaran atau perkara lain. Sesetengah pesakit ADD sering bersendirian dan hidup dalam dunia mereka sendiri. Sebilangan pesakit pula sering merasa resah dan ada pula yang bersifat hyperaktif dan sering mengganggu pembelajaran kanak-kanak lain di sekolah.

Sebagai seorang remaja, Megan Meier sering mengalami gangguan perasaan dan sentiasa tidak berpuas hati dengan saiz tubuh badannya. Ibu Megan, Tina, mengambil berat tentang perkembangan anak gadisnya, dan menyifatkan Megan sebagai seorang gadis yang melalui fasa perubahan fizikal dan emosi yang kurang normal berbanding dengan remaja yang lain.

Megan sering bercakap tentang keinginannya untuk membunuh diri seawal usia 9 tahun. Bimbang dengan keadaan tersebut, Tina telah membawa Megan berjumpa dengan seorang pakar psikologi dan keadaan Megan menjadi bertambah baik semenjak itu. Megan menjalani kehidupan seperti biasa dan gemar mendengar muzik, berenang, memancing dan menyertai pasukan bola tampar di sekolahnya. Beliau telah berjaya menurunkan berat badannya sebanyak 20 pound tetapi masih tidak berpuas hati dengan keadaan fizikalnya.

Megan mempunyai seorang sahabat baik yang tinggal berdekatan dengan rumahnya. Seperti gadis remaja yang lain, Megan dan sahabatnya sering tidak sependapat dan akhirnya mereka memutuskan untuk tidak lagi bertegur sapa. Megan juga gemar berinteraksi di laman sosial tetapi tidak mempunyai teman rapat yang benar-benar memahaminya sehingga beliau bertemu dengan seorang remaja lelaki berusia 16 tahun yang dikenali sebagai Josh Evans yang menghulurkaan salam persahabatan melalui MySpace. Josh merupakan seorang remaja yang kacak dan pandai mengambil hati melalui tutur katanya.

Sebagai seorang ibu yang prihatin, Tina sering mengikuti perkembangan Megan dan tahu tentang persahabatannya dengan Josh. Setelah beberapa lama berkenalan, Megan dan Josh menjadi semakin rapat dan berhubungan hampir setiap hari. Josh bagaimanapun, enggan berkongsi butiran peribadi yang lebih terperinci seperti alamat tempat tinggal dan nombor telefon. Tina mula berasa sangsi dan mengesyaki Josh mungkin bukan menggunakan identitinya yang sebenar. Tina memaksa Megan untuk tidak meneruskan hubungan dan menutup akaun MySpace-nya dengan memberi berbagai alasan. Megan enggan menuruti kemahuan ibunya tetapi segera mengurangkan aktiviti sosialnya di Internet.

Pada 16 Oktober 2006, Megan telah menghantar jemputan kepada beberapa orang rakan untuk menghadiri majlis hari jadinya yang bakal diadakan tidak lama lagi. Megan turut menghantar jemputan kepada Josh melalui MySpace dan mengharapkan respon yang baik dari remaja lelaki tersebut. Walaubagaimanapun, Josh mula menghantar teks pesanan yang kurang menyenangkan malahan berkongsi butiran perbualan mereka dengan orang lain. Rakan-rakan Megan mula menyakitinya dengan kata-kata yang kurang sopan dan memalukan. Mereka menggelar Megan sebagai perempuan murahan dan gemuk. Pergaduhan berlaku dimana Megan membalas kata-kata rakannya dengan memberi kata-kata kesat di laman tersebut sambal menjerit di kamar tidurnya. Tina memarahi Megan dan menyalahkan gadis itu kerana enggan mendengar nasihat. Dia menyuruh Megan menghentikan serta menutup akaun MySpace dengan serta merta. Megan menangis dan merasa seperti ibunya tidak lagi memahami serta menyebelahinya.

Ayah Megan, Ron, cuba meredakan ketegangan yang berlaku dengan menasihati Megan supaya bertenang dan melupakan kata-kata tersebut. Kedua ibu bapanya kemudian turun ke dapur untuk menyediakan makan malam bersama-sama sambal berbincang tentang

situasi tersebut. 20 minit kemudian, Tina merasakan sesuatu yang tidak kena bakal terjadi. Beliau segera berlari ke bilik Megan, dan mendapati Megan telah menggantung dirinya di kamar tidur yang sama. Megan Meier telah pergi untuk selama-lamanya, 3 minggu sebelum menyambut hari jadinya yang ke-14. Lebih menyayat hati apabila gaun yang ditempah untuk majlis hari jadi tersebut masih tergantung dalam almari pakaianya dan tidak sempat untuk dipakai.

6 minggu selepas kematian gadis malang ini, kedua ibubapa Megan telah dimaklumkan oleh pihak polis bahawa akaun Josh Evans sebenarnya didaftarkan dibawah nama ibu kepada bekas sahabat karib Megan yang pernah berselisih faham dengannya, yang juga merupakan jiran mereka sendiri. Wanita berkenaan, yang dikenali sebagai Lori Drew hanya ketawa dan mengakui bahawa kedua-dua mereka (dia dan anaknya) berkongsi akaun tersebut dan hanya berniat untuk bergurau dengan Megan. Kisah Megan mendapat liputan meluas termasuklah pihak CNN yang bertindak mendedahkan identiti jiran wanita yang tidak bertanggungjawab dan membuka akaun palsu ini. Lori Drew didakwa dan disabitkan dengan kesalahan pelanggaran Akta Penipuan dan Penyalahgunaan Komputer (*Computer Fraud and Abuse Act*) pada tahun 2008 berhubung insiden tersebut. Walaubagaimanapun, tuduhan tersebut telah dibatalkan selepas beliau membuat rayuan pada tahun 2009.

Tina kini berhubung rapat dengan pihak berkuasa bagi meluluskan rapat perundangan di Missouri yang secara tidak rasminya dikenali sebagai "Undang-undang Megan" pada bulan Ogos 2008. Pada bulan April 2009, Wakil dari Amerika Syarikat, Linda Sánchez memperkenalkan "Akta Pencegahan Buli Siber Megan Meier" (*Megan Meier Cyber bullying Prevention Act*) yang bertujuan untuk mencegah jenayah buli siber daripada terus berleluasa. Akta ini walaubagaimanapun, tidak digubal kerana tidak mendapat sokongan dan persetujuan daripada pihak kerajaan.

### **Jessica Logan (1990 – 2008): Sexting-Penyebaran Gambar Bogel**

Jessica Logan adalah seorang pelajar senior dari Sekolah Tinggi Sycamore yang berusia 18 tahun. Gambar bogelnya telah tersebar kepada beratus-ratus remaja di sekurang-kurangnya tujuh buah sekolah tinggi di sekitar kawasan tersebut selepas Jessica berpisah dengan teman lelakinya. Jessica menghadiri majlis pengkbumian seorang rakannya yang telah membunuh diri dan mengambil keputusan untuk melakukan perkara yang sama sejurus selepas kejadian tersebut. Ikuti kisah Jessica.

*"My daughter's photo was stolen off of her cell phone. I have the incident report that proves this fact. It was not allowed in our court case. It is such a shame our attorneys, and the kids who my daughter called friends lied to cover their friends that were involved in tormenting my child. My dead child's reputation has been damaged. I was spoon fed lies and I have contacted the very people who wrote my daughter's story to help me get the true story about my daughter out to the media. No one is interested in the truth. LIES sell stories. I love you so much, Jessica. I am so sorry I listened to the very people I thought were your friends. You told me things our attorneys dismissed, but took the teenager's word as gospel. Until we meet again, my precious girl."*

Begitulah luahan hati ibu Jesicca, Cynthia Logan, selepas kematian anak gadis kesayangannya. Beliau mahu kisah sebenar tentang kematian Jesicca disebarluaskan ke seluruh dunia agar masyarakat mengetahui akan kebenarannya.

Berbeza dengan Ryan Patrick dan Megan Meier, Jessica Logan melalui pengalaman buli siber yang agak berbeza, dan semuanya bermula dengan penglibatannya dalam aktiviti *sexting*. *Sexting* melibatkan aktiviti menghantar, menerima atau berkongsi mesej, gambar atau video berunsur lucu dan seks menggunakan telefon bimbit, komputer atau mana-mana peranti

digital melalui Internet dan media sosial. Istilah baru ini mula diperkenalkan pada awal abad ke-21. Pada bulan Ogos 2012, perkataan *sexting* telah diterimakai secara rasmi dan disenaraikan buat kali pertama dalam kamus Bahasa Inggeris-*Merriam-Webster's Collegiate Dictionary*.

Cynthia Logan, ibu Jesicca mendakwa bahawa gambar bogel anaknya telah dicuri daripada telefon bimbitnya dan disebarluaskan ke hampir seluruh daerah tempoh tinggal mereka. Selepas gambarnya tersebar, Jesicca telah dikecam hebat oleh rakan-rakan disekolahnya. Dia menerima pesanan-pesanan berbaur hinaan dan ugutan serta mengalami pelbagai serangan fizikal dan verbal. Di sekolah, rakan-rakan memanggilnya dengan pelbagai gelaran seperti pelacur, perempuan murahan dan banyak lagi, malahan ada yang membaling barang apabila terserempak dengannya disekitar kawasan sekolah. Tidak tahan dengan keadaan itu, pada bulan Mei 2008, Jesicca telah memberanikan diri untuk muncul di kaca TV bagi berkongsi pengalaman pahitnya. Niat Jesicca pada ketika itu adalah supaya pengalaman yang dilaluinya tidak akan berulang kepada gadis-gadis yang lain.

Menurut ibu Jesicca, pihak sekolah, *Sycamore High School* mengetahui tentang keadaan Jesicca yang sering dibuli rakan-rakan berikutan penyebaran gambar bogelnya, tetapi tidak mengambil sebarang tindakan tegas bagi menghentikan situasi tersebut. Pihak sekolah, walaubagaimanapun, menafikan kenyataan tersebut dan mendakwa bahawa mereka telah cuba sedaya upaya untuk menghentikannya, malahan menawarkan bantuan untuk berjumpa dengan ibubapa pelajar-pelajar yang telah membuli Jesicca.

Daripada seorang gadis yang periang, peramah dan bercita-cita tinggi, Jesicca bertukar menjadi seorang remaja yang murung dan sering hidup dalam ketakutan. Malahan, beliau enggan ke sekolah kerana merasa takut (akibat sering dibuli dan dicederakan oleh rakan-rakan) dan kerap ponteng sekolah semenjak kejadian tersebut. Jesicca sering mengadu kepada ibunya, tetapi Cynthia gagal memahami sejauh mana tekanan yang sedang dilalui oleh anaknya. Akhirnya, pada bulan Julai 2008, Jesicca telah nekad menggantung dirinya di dalam bilik tidurnya sendiri. Ketika ditemui, Jesicca sudah tidak bernyawa dan telefon bimbitnya dilihat berada di atas lantai di bilik yang sama. Selepas 2 tahun menanggung derita, Jesicca Logan menghembuskan nafas terakhirnya pada usia 18 tahun, sebulan selepas beliau menamatkan alam persekolahannya.

Ibubapa Jesicca bertindak mengemukakan saman terhadap dua pihak yang terbabit iaitu: bekas kekasih Jesicca yang dipercayai bertanggungjawab dalam penyebaran gambar bogel gadis itu yang tersimpan dalam telefon bimbitnya serta pihak sekolah *Sycamore High* atas kecuaian mereka menangani kes buli di sekolah yang dibiarkan berlarutan selama 2 tahun sehingga anak gadis mereka telah mengambil keputusan untuk membunuh diri.

### **Amanda Michelle Todd (1996 –2012): Mangsa Cyber Sexual Grooming dan Siber Hendap**

Amanda Todd merupakan seorang remaja yang berasal dari Port Coquitlam, British Columbia, Canada. Seperti Ryan dan Megan, Amanda Todd mengalami masalah kesihatan yang dikenali sebagai *Language-based learning disabilities* atau LBLD yang menyebabkan beliau menghadapi kesukaran untuk bertutur dan mengutarakan pendapat seperti kanak-kanak yang lain. Disebabkan kekurangan tersebut, Amanda tidak mempunya ramai kawan sekolah. Namun ianya tidaklah mengganggu kehidupan sehari-hari Amanda. Kisah sedih Amanda bermula pada tahun 2009, ketika Amanda berusia 12 tahun di mana beliau mula mengenali dunia siber. Seperti remaja lain, Amanda gemar berkongsi gambar-gambarnya di media sosial dan sering menerima pujiannya kerana paras rupanya yang cantik. Amanda juga gemar berkawan rakan-rakan

baru yang ditemui di media sosial dan mereka sering berbual melalui *video chat*. Pada suatu hari, Amanda telah berkenalan dengan seorang lelaki dan mula berhubungan dengan lelaki tersebut menggunakan video chat. Lelaki tersebut memuji-muji kecantikan Amanda dan meminta Amanda mendedahkan sebahagian tubuh badannya ketika berinteraksi dalam video chat. Terpengaruh dengan ajakan lelaki ini, Amanda yang baru berusia 13 tahun pada ketika itu, kemudiannya menurut permintaan tersebut lalu mendedahkan bahagian atas tubuhnya di kamera web (*webcam*). Tanpa di sedari, lelaki tersebut telah merakam gambar separuh bogel Amanda dan mula “mengekori” pergerakan Amanda di semua laman sosial yang dilawatinya. Lelaki tersebut akan menghantar *friend request* atau permintaan untuk menjadi pengikut dalam apa sahaja laman sosial yang disertai oleh Amanda.

Selama beberapa tahun, perhubungan Amanda dengan lelaki tersebut berterusan sehingga pada suatu hari, lelaki tersebut menyuruh Amanda mempamerkan tubuhnya di kamera web sekali lagi. Amanda menolak permintaan lelaki tersebut pada kali ini, menyebabkan lelaki tersebut berasa marah. Daripada seorang rakan, lelaki tersebut bertukar menjadi seorang pengintip serta pengganggu (*harasser/stalker*) media sosial yang kejam. Dia mula mengugut untuk menyebarkan gambar Amanda yang telah diambilnya beberapa tahun lepas kepada rakan-rakan sekolah Amanda yang dikenali melalui media sosial milik Amanda sendiri. Penyebaran gambar separuh bogel Amanda menyebabkan beliau di tinggalkan oleh rakan-rakannya di sekolah. Tidak cukup dengan itu, Amanda juga sering dipukul dan dihina di sekolah, menyebabkan beliau mengalami tekanan perasaan yang sangat hebat. Amanda pernah dipanggil oleh sekumpulan pelajar (seramai 15 orang) ke satu kawasan sekolah di mana beliau telah diejek dan ditumbuk berkali-kali sehingga terjatuh dan tidak bermaya. Amanda Todd merasa dirinya keseorangan menghadapi pembuli siber dan rakan-rakan yang sentiasa menyakitinya. Amanda telah cuba untuk membunuh diri dengan meminum cecair peluntur tetapi berjaya diselamatkan oleh keluarganya.

Tidak cukup dengan itu, lelaki tersebut juga mengetahui segala butiran peribadi Amanda seperti tempat tinggal, sekolah, serta rakan-rakan sekeliling Amanda. Amanda sendiri tidak menyedari bahawa lelaki itu telah ‘mengekorinya’ selama bertahun-tahun menggunakan identiti yang berbeza dan mengetahui segala maklumat peribadinya dengan terperinci. Risau dengan keadaan tersebut, keluarga Amanda membuat laporan polis dan kemudiannya berpindah ke tempat lain bagi mengelakkan butiran Amanda daripada diketahui. Amanda juga telah berpindah ke sekolah lain bagi menjaga keselamatannya. Sekitar bulan Disember 2010, Amanda menerima makluman daripada pihak polis yang menyatakan bahawa gambar separuh bogelnya sedang diviralkan oleh seseorang di media sosial. Dia merasa cemas, malu dan panik, dan mula mendekati dadah dan alkohol bagi mengatasi perasaan tersebut.

Setahun kemudian, lelaki tersebut mucul lagi, kali ini menyamar sebagai Amanda sendiri dan menggunakan gambar separuh bogel tersebut sebagai gambar profil di laman Facebook yang kononnya milik Amanda. Lelaki tersebut juga mendekati rakan-rakan di sekolah baru Amanda dan berkongsi gambar tersebut. Sekali lagi Amanda terpaksa berpindah sekolah. Pada bulan Mac 2012, keluarga Amanda berpindah ke sebuah bandar yang lain untuk memulakan hidup baru. Amanda bagaimanapun, tidak mampu untuk melupakan pengalaman pahit yang telah dilaluinya. Menurut ibu Amanda, setiap kali Amanda berpindah sekolah, lelaki tersebut akan mula mendekati rakan-rakan sekolahnya yang baru dengan menyamar sebagai pelajar baru di sekolah tersebut. Lelaki tersebut kemudiannya akan menghantar senarai nama, gambar serta video-video sekolah tersebut kepada Amanda sebagai tanda amaran bahawa dia mengetahui setiap pergerakan Amanda. Enam bulan selepas berpindah ke tempat baru, Amanda masih lagi menerima pesanan-pesanan berbaur ugutan dan hinaan, menyebabkan beliau mengalami tekanan perasaan yang tidak dapat dibendung lagi. Amanda beberapa kali

mengelar pergelangan tangannya dan mengambil ubat penenang berlebihan sehingga dimasukkan ke hospital selama beberapa hari.

Pada 7 September 2012, Amanda telah memuat naik sebuah video di laman YouTube yang mendedahkan tentang penderitaannya. Video yang bertajuk *My story: Struggling, Bullying, Suicide, Self harm* itu menjadi viral dan ditonton oleh lebih daripada 12 juta netizen di seluruh dunia. Di dalam video tersebut, Amanda telah menceritakan bagaimana beliau mengenali lelaki tersebut dan bagaimana beliau melalui kehidupan yang menakutkan sebagai mangsa buli siber. Akhirnya, pada 10 Oktober, 2012, sekitar jam 6 petang, Amanda Todd telah ditemui mati, akibat menggantung diri, di rumahnya sendiri. Amanda Todd meninggalkan semua yang pernah dimilikinya pada usia 15 tahun.

Pada April 2014, seorang lelaki berusia 35 tahun telah ditangkap kerana disyaki terlibat dalam kes Amanda Todd. Lelaki tersebut, yang dikenali sebagai Aydin Coban kemudiannya disabitkan kesalahan dan dipenjarakan selama hampir 11 tahun kerana telah melakukan serangan buli siber, bukan sahaja terhadap Amanda, tetapi kepada 34 lagi remaja lelaki dan perempuan yang lain.

### **Kes-kes Buli Siber di Malaysia**

Di Malaysia, jumlah kes buli siber semakin hari semakin meningkat. Walaupun tidak terdapat laporan kes serta penceritaam yang terperinci seperti kebanyakan kes-kes yang mendapat liputan antarabangsa, negara kita juga mencatatkan kes-kes bunuh diri berikutkan gangguan siber yang semakin berleluasa dan tidak terkawal. Memetik laporan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM), The Star melaporkan bahawa statistik menunjukkan bahawa sepanjang tempoh 5 tahun, dari tahun 2012 hingga 2017, terdapat sekurang-kurangnya 300 kes buli siber yang dilaporkan pada tahun 2012, 512 kes pada tahun 2013, 550 kes direkodkan bagi tahun 2014, 442 kes bagi tahun 2015 serta 529 kes bagi tahun 2016. Buli siber adalah paling ketara di kalangan pelajar sekolah melibatkan 250 kes dilaporkan pada tahun 2012, 389 kes bagi tahun 2013, 291 kes pada tahun 2014, 256 kes bagi tahun 2015 serta 338 kes dicatatkan pada tahun 2016. Secara keseluruhan, sebanyak 1,524 kes buli siber telah dilaporkan berlaku di negara ini dalam tempoh 5 tahun tersebut.

Menurut Utusan Online, dari bukan Januari hingga November 2017 sahaja, Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) telah menerima sebanyak 38 aduan melibatkan kes buli sepanjang tempoh tersebut. Kebanyakan kes buli berlaku di laman-laman sosial, terutamanya Facebook, dan melibatkan kumpulan remaja berusia 13 hingga 15 tahun. Ketua Pegawai Rangkaian Keselamatan, Pengurusan Media Baru, Aduan dan Advokasi SKMM, dalam kenyataannya memaklumkan bahawa berdasarkan Laporan Kajian Kebangsaan Mengenai Keselamatan Siber Sekolah yang telah dijalankan, lebih daripada 70 peratus pelajar sekolah pernah terlibat dalam kes buli siber dan sebanyak 70 peratus pelajar sekolah juga didapati terlibat dalam pelbagai jenis gangguan Internet dan ini termasuklah aktiviti berkongsi maklumat serta memuatnaik status-status yang kurang sopan di media sosial. Kebanyakan remaja ini, walaubagaimanapun, tidak menganggap perkara ini sebagai sesuatu yang serius, malahan melihat amalan kurang beretika di laman sosial ini sebagai satu perkara biasa. Kebanyakan daripada remaja ini menganggap aktiviti menggunakan kata-kata yang kurang sopan semasa memuat naik status di Facebook bukanlah sebagai satu kesalahan atau sesuatu yang melanggar etika media sosial.

Sebagai contoh, pada 19 Oktober 2017, akhbar The Star melaporkan kisah seorang seorang pelajar berusia 20 tahun yang terjun dari tingkat 17 pangsapurinya di Pulau Pinang. Pelajar malang yang dikenali sebagai Teh Wen Chun dipercayai membunuh diri kerana

mengalami tekanan perasaan akibat pelajarannya serta gangguan buli siber yang tidak terkawal. Sebelum kematiannya, Teh dikatakan menjadi mangsa buli siber dimana beliau telah menerima pesanan-pesanan dalam talian yang menyakiti hatinya. Tidak cukup dengan itu, Teh juga dihujani dengan kenyataan fitnah yang tersebar di Internet yang menyebarluaskan maklumat palsu berkenaan dirinya. Kes ini, walaubagaimanapun, tidak dibincangkan secara meluas dan terperinci bagi menghormati perasaan keluarga dan rakan-rakannya.

## **KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, bahasa dan etika yang betul memainkan peranan penting dalam amalan berkomunikasi dalam talian. Penggunaan bahasa dan etika yang salah bukan sahaja mempengaruhi emosi seseorang mangsa, tetapi juga boleh memberi kesan yang lebih buruk seperti hilang keyakinan diri, kemurungan dan sebagainya. Penggunaan bahasa yang tidak sesuai seperti menggunakan kata-kata berbaur luah, ugutan serta penyebaran fitnah atau maklumat yang tidak betul boleh mempengaruhi emosi dan tingkah laku seseorang remaja untuk bertindak secara agresif, samaada mencederakan orang lain atau dirinya sendiri.

Di negara-negara barat, kes-kes bunuh diri dalam kalangan mangsa jenayah buli siber tidak lagi dianggap sebagai satu fenomena yang baru. Di Malaysia, walaubagaimanapun, kes-kes bunuh diri, kesan daripada buli siber masih dianggap sebagai terpencil. Tetapi ini tidaklah bermakna permasalahan ini harus dipandang ringan. Langkah-langkah efektif harus diambil oleh pihak berwajib agar kesedaran terhadap amalan dan kesan negatif buli siber dapat diterapkan di dalam minda masyarakat, terutamanya golongan muda yang merasa selesa menggunakan perkataan-perkataan kesat semasa berinteraksi di media sosial, tanpa menyedari bahawa perbuatan mereka ini mungkin memberi kesan yang sangat buruk kepada orang lain. Kesedaran awal adalah penting supaya gejala negatif ini dapat dibendung, seterusnya dihentikan dan tidak berulang di masa akan datang.

## **PENGHARGAAN**

Kertas ini merupakan sebahagian daripada dapatan kajian yang telah menerima tajaan penuh daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia melalui geran FRGS (Fundamental Research Grant Scheme-FRGS/1/2016/SS06/UKM/02/2) yang diketuai oleh Dr. Azianura Hani Shaari dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## **RUJUKAN**

- Asma Abdullah, (1996). *Going Glocal: Cultural Dimensions in Malaysian Management*, Kuala Lumpur: MIM.
- Asmah Haji Omar, (2017). An Analysis of the Concepts of Conflict and Conflict Resolution in Malay. *Journal of Modern Languages*, 9(1), 1-18.
- Aydin Coban sentenced in Dutch court to 10 years for online fraud, blackmail (2017). Mar 16, 2017. Retrieved [1.10.2018] from: [http://www.cbc.ca/news/canada/british\\_columbia/aydin-coban-sentenced-netherlands-online-fraud-blackmail-1.4027359](http://www.cbc.ca/news/canada/british_columbia/aydin-coban-sentenced-netherlands-online-fraud-blackmail-1.4027359),
- Azianura Hani Shaari, (2017). *Language of the Digital Minds*, Bangi: UKM Press.
- Brown, V. (2017). Cyberbullying: Words can hurt too. Retrieved [1.10.2018] from: <https://www.thestar.com.my/news/nation/2017/10/19/cyberbullying-words-can-hurt-too/>, 19 Oct 2017

- Brown, P. and Levinson, S.C., (1978). Universals in language usage: Politeness phenomena. In *Questions and politeness: Strategies in social interaction*. 56-311. Cambridge University Press.
- Che Hasniza Che Noh, Mohd Yusri Ibrahim, Fatimah Yussoff. (2018). *Meneroka Ciri Dan Faktor Buli Siber Kalangan Remaja Di Malaysia*. Penerbit UMT.
- Culpeper, J. (1996). Towards an anatomy of impoliteness. *Journal of Pragmatics* 25, 349–67.
- Cahute, L. (2012). Amanda Todd: Hundreds hear tributes from family, friends, teachers. The Province. Retrieved [1.10.2018] from: <https://www.commissiononassisteddying.co.uk/amanda-todd/>
- Dutch man charged in Amanda Todd case allegedly targeted 2nd Canadian child, Jan 25, 2017. Retrieved [1.10.2018] from: [http://www.cbc.ca/news/canada/british\\_columbia/amanda-todd-aydin-coban-1.3951334?cmp=rss](http://www.cbc.ca/news/canada/british_columbia/amanda-todd-aydin-coban-1.3951334?cmp=rss)
- Frankel, T. C. (2012). Megan Meier's mom is still fighting bullying, October 20, 2012. Retrieved [1.10.2018] from: [stltoday.com](http://stltoday.com)
- Fatimah, N. and Zaenal, A., (2014). Strategi Ketidaksantunan Culpeper dalam Berbahasa Lisan di Sekolah. *Dalam Prosiding Seminar Nasional Ketidaksantunan Berbahasa dan Dampaknya dalam Pendidikan Karakter*. Cetakan Pertama. Surakarta: Muhammadiyah University Press.
- Ghani, N. M., & Ghazali, S. (2015). Tindak Balas Pengguna YouTube Terhadap Kes Buli dalam Kalangan Remaja di Malaysia. *Sains Humanika*, 6(1).
- Hainsworth, J. (2014). Dutch man's case linked to Amanda Todd, April 18, 2014. Retrieved [1.10.2018] from: MSN.com,
- Harding, L. (2008). They were ganging up on her, calling her fat and a wh\*\*\*: the cyber bullying that got out of hand, Mail Online. April 12, 2008. Retrieved [1.10.2018] from: [Dailymail.co.uk](http://www.dailymail.co.uk).
- Jessica Logan – The Rest of the Story, December 22, 2015, Retrieved [1.10.2018] from: <http://nobullying.com/jessica-logan/>
- Jessica Logan Suicide: Parents Of Dead Teen Sue School, Friends Over Sexting Harassment, March 18, 2010 , Retrieved [1.10.2018] from: [https://www.huffingtonpost.com/2009/12/07/jessica-logan-suicidepar\\_n\\_382825.html](http://www.huffingtonpost.com/2009/12/07/jessica-logan-suicidepar_n_382825.html)
- Johnstone, B. (2010). Locating Language in Identity, in Llamas, C. and Watt, D (eds), *Language and Identities*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Karim, M. F. A., Ismail, R., & Sukimi, M. F. (2017). Sub-budaya Mat Rempit dan perubahan sosiobudaya (Malaysian sociocultural change and the Mat Rempit sub-culture). *Geografi-Malaysian Journal of Society and Space*, 5(3). pp. 26 – 43.
- Martins, Monisha, November 18, 2012. Amanda Todd celebrated in 'the birthday party she wanted". Tri-City News.
- On the alert for cyberbullying, April 11, 2017, Retrieved [1.10.2018] from: [https://www.thestar.com.my/opinion/letters/2017/04/11/on-the-alert-forcyberbullying/](http://www.thestar.com.my/opinion/letters/2017/04/11/on-the-alert-forcyberbullying/)
- Ryan Patrick Halligan Memorial, Retrieved [1.10.2018] from: <http://www.suicide.org/memorials/ryan-patrick-halligan.html>
- Ruxyn, T., Student In Penang Left A Suicide Note On Facebook Before Jumping To His Death, May 5, 2017, Retrieved [1.10.2018] from: <http://says.com/my/news/taruc-student-left-a-suicide-note-on-facebook-before-jumping-off-penang-flat>
- The Story of Amanda Todd, Dean, M. October 18, 2012, Retrieved [1.10.2018] from: [https://www.newyorker.com/culture/culture-desk/the-story-of-amanda-todd](http://www.newyorker.com/culture/culture-desk/the-story-of-amanda-todd)
- Tapscott, D. (2009), *Grown Up Digital*, USA: Mc Graw Hill.

The Unforgettable Amanda Todd Story, May 19, 2017, Retrieved [1.10.2018] from:  
<https://nobullying.com/amanda-todd-story/>

Zuhayati Yazid, SKMM terima 38 kes aduan kes buli siber dalam tempoh 11 bulan tahun ini, Utusan Melayu (M) Bhd, 8 November 2017. Retrieved [1.10.2018] from:  
<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/skmm-terima-38-kes-aduan-kes-buli-siber-dalam-tempoh-11-bulan-tahun-ini-1.548823#ixzz56JUAcvH7>

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **AZIANURA HANI SHAARI**

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[azianura@ukm.edu.my](mailto:azianura@ukm.edu.my)

### **MOHAMMAD RAHIM KAMALUDDIN**

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
[rahimk@ukm.edu.my](mailto:rahimk@ukm.edu.my)